

LANGKAH PENJAGAAN KESIHATAN BAGI PERKHIDMATAN KAUNTER KKBS

Sumber rujukan:

- *Getting Your Workplace Ready for COVID-19, World Health Organization, 3 March 2020*
- *General Advisory For Workplace In Response to COVID-19, Safety Health and Environment National Authority (SHENA), 12 March 2020.*
- *Langkah-langkah Pengawalan Jangkitan Di Tempat Kerja Ketika Wabak, Kementerian Kesihatan.*
- *Protect Your Workplace Against Respiratory Infections, Kementerian Kesihatan.*
- *Maklumat Frequently Asked Questions* dari Kementerian Kesihatan, bertarikh 15 Mac 2020

	LANGKAH-LANGKAH PENJAGAAN	TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH PIHAK PENGURUSAN
PREMIS	Kebersihan kaunter-kaunter	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat-tempat permukaan yang sering disentuh (<i>frequently touched surfaces</i>), terutamanya kaunter-kaunter mesti sentiasa dibersihkan dengan menggunakan <i>disinfectant</i> (setiap pagi dan petang). • Ruang pejabat, kemudahan biasa contoh tandas, bilik perjumpaan dan dewan mesti dibersihkan setiap hari.
	Ketersediaan Pembersih Tangan (<i>Availability of Hand Sanitizers</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan pembersih tangan (<i>hand sanitizer</i>) sentiasa dibekalkan untuk kegunaan kakitangan, petugas dan orang awam.
	Ketersediaan Tisu Muka	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan tisu muka sentiasa dibekalkan untuk kegunaan kakitangan, petugas dan orang awam. • Memastikan ada tempat pembuangan sampah yang tertutup bagi tisu-tisu yang telah digunakan.

	LANGKAH-LANGKAH PENJAGAAN	TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH PIHAK PENGURUSAN
	Kawasan Mempunyai Kitaran Udara Yang Baik (<i>Well Ventilated Area</i>) (Merujuk terbitan <i>World Health Organisation</i> bertarikh 3 Mac 2020)	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan ruang yang dikunjungi orang ramai mempunyai kitaran udara yang baik contoh dengan membuka jendela atau pintu agar udara sentiasa diedarkan.
	Pembersihan Kawasan Yang Terdedah Kepada Kes-kes yang disyaki / disahkan (<i>Cleaning and Disinfecting of Areas Exposed to Case</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Jika ada kes yang disyaki, pihak pengurusan hendaklah (jika boleh) menutup kawasan atau tempat berkenaan bagi pembersihan serta merta. • Mengelakkan menggunakan bilik atau kawasan tersebut selama 24 jam.
	Mengelakkan perkumpulan ramai (<i>mass gathering</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Menghadkan jumlah pengunjung atau orang ramai yang datang ke premis tidak melebihi 50 orang, pada merujuk Maklumat <i>Frequently Asked Questions</i> dari Kementerian Kesihatan, bertarikh 15 Mac 2020). • Menghadkan tempoh berinteraksi di kaunter tidak melebihi 30 minit (Merujuk Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan bertarikh 10 Mac 2020) • Sewaktu tempoh pembayaran tinggi (<i>peak time</i>), untuk melaksanakan pengambilan pencen oleh Ketua Kampung (KK) secara berjadual (khusus bagi JAPEM).
	Ketersediaan notis-notis berkenaan dengan COVID-19.	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan notis-notis dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, terutamanya langkah kebersihan, dipaparkan di kawasan kunjungan orang ramai.

	LANGKAH-LANGKAH PENJAGAAN	TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH PIHAK PENGURUSAN
KAKITANGAN TERUTAMANYA KAKITANGAN DI KAUNTER-KAUNTER (FRONTLINERS)	Sentiasa menjaga kebersihan.	<ul style="list-style-type: none"> • Memakai penutup muka (<i>face mask</i>) semasa berurusan dengan orang awam (Merujuk Panduan Umum dari <i>Safety, Health and Environment National Authority, SHENA</i>) • Mengajar pekerja mengenai jangkitan dan cara penyebaran. • Mengalakkan pekerja untuk mengamalkan kebersihan (sentiasa mencuci tangan dengan sabun atau menggunakan pembersih tangan). • Jika didapati ada pekerja yang kurang sihat, menasihati pekerja berkenan untuk tidak datang ke pejabat dan untuk berjumpa dengan doktor. • Melaksanakan pemeriksaan suhu badan dan memantau pekerja yang mempunyai simptom. Jika didapati melebihi 38 darjah selsius, pekerja tidak dibenarkan masuk. • Bagi kakitangan yang mengendalikan pembayaran, mestilah sentiasa menggunakan sarung tangan pakai buang (<i>disposable hand gloves</i>).
	Mengamalkan langkah-langkah bertanggungjawab sosial (<i>Practising Socially Responsible Measures</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Jika berinteraksi dengan orang awam, petugas hendaklah memastikan ada jarak tidak kurang satu meter dengan orang tersebut (Merujuk Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan bertarikh 10 Mac 2020). • Mengelakkan berjabat tangan.

	LANGKAH-LANGKAH PENJAGAAN	TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH PIHAK PENGURUSAN
	Memantau tahap kesihatan pengunjung dan orang awam.	<ul style="list-style-type: none"> • Menasihati orang awam untuk tidak datang ke premis jika kurang sihat, ataupun memakai penutup muka (<i>face mask</i>). • Melaksanakan pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke premis. • Jika didapati melebihi 38 darjah selsius, orang awam tidak dibenarkan masuk.
ORANG AWAM	Sentiasa menjaga kebersihan.	<ul style="list-style-type: none"> • Orang awam dimestikan untuk mengamalkan kebersihan (sentiasa mencuci tangan dengan sabun atau menggunakan pembersih tangan) sebelum dan selepas berurusan di kaunter. • Menasihati orang awam untuk tidak datang ke premis jika kurang sihat, ataupun memakai penutup muka (<i>face mask</i>).
	Mengamalkan langkah-langkah bertanggungjawab sosial (<i>Practising Socially Responsible Measures</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Jika berinteraksi dengan petugas, orang awam hendaklah memastikan ada jarak tidak kurang satu meter dengan orang tersebut. • Mengelakkan berjabat tangan.